

## **PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP PEMBELAJARAN ATAS TALIAN BERDASARKAN TAHP KEPUASAN DAN HALANGAN YANG DIHADAPI**

### **[PARENT'S PERCEPTION OF ONLINE LEARNING BASED ON THE SATISFACTION AND BARRIERS THAT OCCUR]**

TENH CHING LING<sup>1\*</sup> & SHAHLAN SURAT<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Corespondent Email: ching.ling\_94@yahoo.com

---

*Received: 28 August 2021*

*Accepted: 8 September 2021*

*Published: 9 September 2021*

---

**Abstrak:** Pembelajaran atas talian telah menjadi satu pendekatan pembelajaran yang rutin kepada semua warga pendidikan seluruh dunia pada masa kini. Disebabkan pandemik Covid-19 yang telah melanda sejak tahun 2020, pihak kementerian pendidikan telah mengambil keputusan untuk menukar cara pengajaran dan pembelajaran agar murid-murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun tidak boleh hadir ke sekolah. Namun begitu, sesuatu perkara semestinya ada kebaikan dan keburukannya. Justeru itu, artikel ini membincangkan persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian berdasarkan tahap kepuasan dan halangan yang dihadapi oleh ibu bapa. Kajian ini berfokuskan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah dan terlibat secara langsung sepanjang pembelajaran atas talian ini dijalankan. Kajian ini ialah kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik atas talian iaitu *Google Form* untuk mengumpul data daripada ibu bapa. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik ini, antaranya ialah maklumat demografi, tahap kepuasan dan halangan. Hasil kajian mendapati bahawa ibu bapa menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap pembelajaran atas talian. Namun terdapat juga beberapa halangan yang dihadapi telah menyukarkan proses pembelajaran atas talian. Kesimpulannya, dapatkan hasil kajian telah menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran atas talian berdasarkan peratusan tahap kepuasan yang dianalisis.

**Kata kunci:** Pembelajaran atas talian, persepsi ibu bapa, tahap kepuasan, halangan.

**Abstract:** Online learning has been one of the common approaches for all the educators during this pandemic. Since Covid-19 hit the whole world last year, Ministry of Education took the action of changing the way of learning so that the students will not be missed in their studies even schools are closed. Everything has the pros and cons. Therefore, this article is to discuss about parent's perception of online learning based on the satisfaction and barriers that occur. This study focused on parents with children that still schooling and parents that involved together during the online learning. This is a survey study using online questionnaire through Google Form to collect data from the parents. There are three main parts of the questionnaire, that is the demographic information, satisfaction and barriers. Results showed that participants overall were satisfied with the implementation of online learning during the pandemic. There were also parents saying that many barriers occurred and affected the process of online learning. As the conclusion, the results showed that parents have a positive perception towards online learning based on the analysis of satisfaction statistic given.

**Keywords:** Online learning, parent's perception, satisfaction, barriers.

Tenh Ching Ling & Shahlan Surat. 2021. Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Atas Talian Berdasarkan Tahap Kepuasan dan Halangan Yang Dihadapi [Parent's Perception of Online Learning Based on The Satisfaction and Barriers That Occur]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 1-15.

## LATAR BELAKANG

Menurut EMIR Research Quarterly Poll Third Quarter 2020 (3Q20) – Part 2 (2020), terdapat tujuh kebimbangan yang berkait rapat dengan pandemik Covid-19. Antaranya adalah seperti kehilangan pekerjaan disebabkan pandemik Covid-19, ancaman Covid-19 disebabkan pendatang asing, kualiti pendidikan disebabkan pandemik Covid-19, gaji yang tidak mencukupi, kualiti kesihatan disebabkan pandemik Covid-19, kesihatan mental atau stress dan waktu menunggu untuk berjuma dengan doktor. Antara lapan daripada sepuluh responden, mereka menyatakan bahawa mereka mempunyai kebimbangan terhadap kualiti pendidikan ketika pandemik Covid-19. Hal ini kerana pendidikan norma baharu yang bergantung kepada pembelajaran atas talian sepenuhnya, telah menimbulkan kerisauan yang dilihat akan merendahkan kualiti pendidikan rakyat dan anak-anak mereka. Antara sebab utama yang dikemukakan ialah kekurangan akses internet dan kemudahan jalur lebar di rumah mereka. Oleh itu, kebimbangan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi pemikiran ibu bapa dan menyebabkan terdapat pelbagai persepsi yang tidak baik terhadap pendidikan zaman kini yang lebih mengutamakan teknologi.

Menurut Bradley dan Corwyn (2002), penglibatan anak dalam aktiviti akademik, kualiti hubungan antara ibu bapa dengan anak dan kebolehcapaian sumber pembelajaran merupakan tiga elemen penting dalam pembelajaran di rumah yang boleh membantu meningkatkan perkembangan pendidikan anak-anak. Peranan ibu bapa untuk menyokong pembelajaran anak-anak amatlah penting terutamanya kepada anak-anak yang berada dalam lingkungan umur yang masih awal. Ibu bapa merupakan individu pertama dan yang paling rapat dengan anak-anak di rumah, maka tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapalah yang memainkan peranan besar dalam perkembangan pendidikan anak-anak mereka. Oleh itu, pemikiran dan persepsi ibu bapa akan memberi kesan yang ketara kepada kehadiran dan kesungguhan anak-anak dalam pembelajaran atas talian ini.

Menurut Lathifah dan Helmanto (2019), ibu bapa perlulah bersedia sepenuhnya untuk menjadi pihak yang dapat mengekalkan keseimbangan dalam proses perkembangan anak-anak. Pembelajaran secara jarak jauh ini tidak akan berjaya jika ia hanya dilakukan oleh seorang individu sahaja. Oleh itu, para guru dan ibu bapa perlu berganding bahu untuk menjayakan pembelajaran atas talian ini. Semua pihak perlu bekerjasama mengikut peranan masing-masing. Atas sebab ini, tanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak tidak boleh diambil alih sepenuhnya oleh institusi pendidikan formal tanpa melibatkan ibu bapa.

## PENYATAAN MASALAH

Persepsi ibu bapa terhadap kesan pembelajaran atas talian amatlah penting untuk memenuhi keperluan anak-anak dalam aspek pembelajaran atas talian. Cabaran baharu yang dihadapi oleh mereka sepanjang PKP ini ialah bagaimana mereka memantau kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran di rumah dan cara anak-anak belajar sama ada aktiviti secara individu atau

berkumpulan bersama adik-beradik. Rumah memainkan peranan yang signifikan sebagai institusi pendidikan pertama apabila sekolah terpaksa ditutup dan ibu bapa mula mengambil alih tugas guru untuk memberi pendidikan di rumah. Kemunculan wabak pandemik Covid-19 ini telah menyebabkan perubahan ketara dalam kehidupan sehari-hari kanak-kanak, remaja, dan keluarga (Moore et. al., 2020).

Satu corak pembelajaran yang pantas dan mendadak telah bertukar daripada pembelajaran tradisional di bilik darjah ke pembelajaran atas talian di rumah. Namun begitu, disebabkan ketiadaan latihan profesional dan kekurangan persediaan daripada para guru menyebabkan pengamalan pembelajaran atas talian tidak dapat mencapai tahap yang memuaskan. Misalnya, pembelajaran atas talian memerlukan sokongan capaian internet yang kuat menjadi satu halangan besar kepada semua pihak tidak kira guru, murid dan juga ibu bapa untuk memastikan segala proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Sebenarnya, pembelajaran atas talian ini mempunyai beberapa kelebihan dalam pengaplikasiannya. Namun, pelbagai halangan yang ada termasuklah capaian internet yang tidak mencukupi, kerjasama ibu bapa dan lain-lain halangan menyukarkan pembelajaran atas talian ini dilaksanakan (Hastini et al., 2020).

Secara keseluruhannya, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam menemani anak-anak semasa pandemik Covid-19 berlaku (Susanto, E., & Suyadi, 2020). Mendampingi kanak-kanak dalam pembelajaran dalam talian berbeza dengan murid yang lebih dewasa. Berbanding dengan remaja, kanak-kanak lebih memerlukan perhatian daripada ibu bapa mereka. Mereka memerlukan kehadiran ibu bapa secara fizikal dalam melakukan aktiviti atau permainan bersama. Oleh itu, ibu bapa perlu meluangkan lebih masa untuk membekalkan perhatian yang tidak berbelah bahagi dan juga jaminan kepada kanak-kanak (Singh et al., 2020). Ibu bapa perlu memberi perhatian kepada pembelajaran kanak-kanak terutamanya apabila mereka berada di rumah agar pembelajaran atas talian ini dapat mencapai kesan yang positif.

Jika difokuskan pula kepada perspektif ibu bapa, terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh mereka, contohnya ibu bapa tidak dapat menumpukan perhatian dalam memberi bimbingan sepenuhnya, anak-anak tidak dapat fokus atau cepat berasa bosan, anak-anak tidak berkeinginan untuk belajar dan hanya mahu bermain atau menonton televisyen, anak-anak tidak dapat menyesuaikan diri dengan pembelajaran atas talian dan sebagainya lagi.

Menurut Apriyanti (2020), kanak-kanak mempunyai pemahaman yang terhad terhadap bahan-bahan pembelajaran. Oleh itu, ibu bapa perlu mengubah persepsi dan cara pengajaran kanak-kanak di rumah agar pembelajaran dapat dilakukan dengan berkesan untuk membolehkan mereka belajar dengan gembira. .

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kefahaman dan persepsi ibu bapa tentang pembelajaran atas talian yang telah dijalankan secara meluas di negara kita sejak tahun 2020. Tujuan utama tinjauan deskriptif kuantitatif bukan eksperimen ini adalah untuk mengumpul data bagi menggambarkan persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian di negara kita. Hasil kajian ini akan membantu dalam perancangan pihak sekolah untuk meningkatkan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian dengan lebih berkesan.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian dari segi tahap kepuasan.
2. Mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian dari segi halangan yang dihadapi.

## SOALAN KAJIAN

1. Apakah persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian dari segi tahap kepuasan?
2. Apakah persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian dari segi halangan yang dihadapi?

## DAPATAN KAJIAN LALU

Kajian yang dijalankan oleh Lubis et al., (2020) adalah untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap e-pembelajaran melalui manfaat, kepuasan dan halangan. Dalam kajian ini, persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian ditentukan oleh tiga faktor utama, iaitu pengaplikasian pembelajaran atas talian, tahap kepuasan pengguna dan halangan yang dihadapi apabila pembelajaran atas talian dilaksanakan. Sampel kajian terdiri daripada 257 ibu bapa murid sekolah rendah dan sekolah menengah di Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian secara keseluruhannya tidak berpuas hati dengan pelaksanaan e-pembelajaran semasa pandemik. Ibu bapa menyatakan bahawa kekurangan infrastruktur ICT seperti capaian internet, peranti digital, elektrik serta kekurangan kemahiran teknologi menjadi penghalang untuk anak-anak mereka menjalankan e-pembelajaran. Ibu bapa juga menganggap bahawa pembelajaran tradisional adalah lebih digemari daripada pembelajaran dalam talian atas sebab kekurangan infrastruktur yang dinyatakan.

Dalam kajian Lau dan Lee (2020), terdapat tiga dapatan kajian utama disimpulkan. Pertama, kebanyakan kanak-kanak menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan pembelajaran di rumah, dengan sebab kurangnya minat belajar anak-anak dan pengaruh persekitaran rumah. Kebanyakan kanak-kanak tidak dapat menyelesaikan tugas secara berdikari. Kedua, kebanyakan ibu bapa yang tidak menghadiri pembelajaran atas talian berasa tidak puas hati kerana mereka mahukan kelas *online* yang lebih berinteraktif dan juga sokongan daripada pihak sekolah, jadual waktu yang lebih fleksibel dan subsidi daripada kerajaan. Ketiga, penggunaan alat elektronik yang keterlaluan tanpa pengawasan ibu bapa semasa pembelajaran atas talian.

Kedua-dua kajian ini membuktikan bahawa masih terdapat kebanyakan ibu bapa yang menunjukkan keraguan terhadap pembelajaran atas talian ini. Antara sebabnya termasuklah kekurangan infrasturktur, kekurangan kemahiran teknologi, persekitaran pembelajaran di rumah dan sebagainya lagi. Kajian ini dijalankan pada tahun 2020 dimana pandemik ini berlaku secara mengejutkan pada tahun ini, jadi semua orang masih berada dalam keadaan terkejut dan kelam kabut kerana tidak pernah mengalami perkara seperti ini. Oleh itu, apabila kajian dibuat dan temu ramah dijalankan, kebanyakan ibu bapa masih tidak dapat mengawal perasaan tertekan yang dihadapi semasa pandemik ini berlaku. Masalah biasa seperti peranti, capaian internet merupakan faktor utama ibu bapa merasakan pembelajaran tradisional atau

pembelajaran bersemuka di sekolah adalah cara yang terbaik untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Sebaliknya, kajian yang dilakukan oleh Imran Khan (2021) menunjukkan hasil kajian bahawa ibu bapa mempunyai persepsi dan pendapat yang positif mengenai pembelajaran atas talian ini. Ibu bapa berasa puas hati terhadap pembelajaran atas talian ini dan juga memberi pandangan positif terhadap tindakan pihak sekolah. Walaupun masih menghadapi masalah yang biasa seperti peranti dan juga capaian internet, namun ibu bapa masih mempunyai fikiran yang positif terhadap pembelajaran atas talian kerana mereka tahu ini adalah cara yang terbaik untuk anak-anak mereka teruskan pembelajaran walaupun tidak berada di sekolah.

Dapatkan kajian oleh Ayu et al., (2020) mendapati bahawa persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran dalam talian ialah mereka menghadapi kesukaran untuk mengajar anak mereka dalam pembelajaran atas talian. Hal ini kerana ibu bapa sukar untuk memahami tugas yang diberikan oleh guru dan tidak dapat memberi bimbingan yang betul kepada anak mereka untuk menyiapkan tugas yang diberikan. Kajian ini menggunakan dua kaedah utama dalam pengumpulan data, iaitu melalui soal selidik dan juga temu bual peserta kajian yang terlibat.

Kajian yang dilakukan oleh Sukmawati (2021) pula ialah mengenai persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian, namun kajian ini lebih memfokuskan kepada penggunaan aplikasi Whatsapp. Melalui temu bual yang dijalankan ke atas peserta kajian ini, kebanyakan ibu bapa yang menyatakan bahawa guru hanya menggunakan Whatsapp sebagai medium pengajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran melalui Whatsapp bermula pada waktu pagi dengan memberi bahan pengajaran dan juga melalui audio, pesanan suara serta perkataan mengikut jadual waktu. Pada pandangan ibu bapa, video diberikan oleh guru menyukarkan murid untuk memahami pembelajaran dan pembelajaran melalui Whatsapp ini menyebabkan murid cepat berasa bosan. Sebaliknya, ada juga sesetengah ibu bapa yang menyatakan bahawa murid menjadi lebih aktif untuk belajar dengan tugas yang diberi melalui Whatsapp. Oleh itu, terdapat pelbagai persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian menggunakan aplikasi Whatsapp ini, ada yang mempunyai pandangan positif, namun ada juga yang bertanggapan negatif.


Kajian yang dilakukan oleh Abdallah (2018) ialah untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa tentang sokongan, dorongan dan menyesuaikan diri dengan initiatif pembelajaran atas talian. Walaupun kajian ini dilakukan sebelum pandemik wabak Covid-19, namun pembelajaran atas talian telah menjadikan satu fokus utama bidang pendidikan seluruh dunia pada masa itu. Hal ini kerana penggunaan ICT dan pendidikan abad ke-21 telah menjadi elemen utama dalam bidang pendidikan pada era globalisasi ini. Oleh itu, pengarang telah menjalankan kajian terhadap 1520 orang ibu bapa di semua jenis sekolah di Abu Dhabi untuk mengetahui persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian pada masa itu. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepuasan ibu bapa agak sederhana dengan kebolehan komputer cikgu manakala ibu bapa lebih berpuas hati dengan kebolehan komputer pelajar. Perkembangan kendiri murid, memenuhi keperluan murid melalui kurikulum, kualiti pengajaran dan pembelajaran mendapat tahap kepuasan yang lebih rendah daripada ibu bapa. Keseluruhannya, ibu bapa pada masa itu lebih tertumpu kepada kepentingan penggunaan ICT dalam diri anak mereka berbanding dengan pencapaian anak.

Selaras dengan kajian Zhang et al., (2020) dan Zhou dan Li (2020), kekurangan perhatian dan minat anak-anak, ganggu daripada ahli-ahli keluarga lain di rumah serta

kekurangan sumber dan peralatan merupakan antara masalah yang paling banyak dihadapi oleh ibu bapa kerana masalah yang dinyatakan ini berkait rapat dengan pembelajaran atas talian di rumah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa akan menghadapi pelbagai masalah semasa menjalankan pembelajaran atas talian ini di rumah kerana bukan semua keluarga mempunyai syarat yang baik untuk membolehkan anak-anak mereka belajar dalam keadaan yang selesa dan sesuai. Banyak faktor luaran yang tidak dapat dikawal oleh ibu bapa akan menjelaskan kelancaran anak-anak dalam pembelajaran atas talian menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan sebaik mungkin.

## KERANGKA KONSEPTUAL

Menurut kerangka konseptual dalam Rajah 1 di bawah, tiga jenis penglibatan dalam Model Epstein iaitu keibubapaan, berkomunikasi dan pembelajaran di rumah memberi kesan kepada pembolehubah kajian ini, iaitu persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian berdasarkan tahap kepuasan dan halangan yang dihadapi. Merujuk kepada kajian Ramalingam et al., (2019), fokus untuk memahami bagaimana kerjasama sekolah dan keluarga boleh dijalankan dengan mengkaji tanggapan guru besar dan guru-guru terhadap konsep kerjasama dan persepsi mereka kepada kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Oleh itu, ketiga-tiga jenis penglibatan ini memainkan peranan penting dalam memberikan pengalaman terbaik kepada kanak-kanak tentang pembelajaran atas talian.



Rajah 1: Kerangka konseptual

Menurut Epstein et al., (2009), elemen keibubapaan ialah kewajiban asas ibu bapa untuk menyediakan keperluan hidup di rumah, seperti tempat tinggal, kesihatan, pemakanan dan keselamatan, yang dapat menyokong pembelajaran asas anak-anak dari peringkat pra sekolah sehingga tamat persekolahan. Penglibatan keibubapaan ini merupakan salah satu elemen yang penting dalam kajian ini, kerana ibu bapa merupakan watak utama yang ingin dikaji dan respon serta kerjasama yang diberikan oleh ibu bapa amatlah penting dan boleh mempengaruhi keseluruhan hasil dapatan di samping memberi panduan kepada pihak institusi pendidikan.

Pembelajaran di rumah dalam Model Epstein ini pula merupakan elemen paling penting dalam kajian ini. Hal ini kerana pembelajaran atas talian yang dijalankan beberapa bulan dalam perintah kawalan pergerakan ini juga boleh dikenali sebagai pembelajaran di rumah yang diawasi oleh ibu bapa murid yang terlibat. Epstein et al., (2009) menyatakan pembelajaran di

rumah ialah membantu anak-anak dengan kerja rumah dan menetapkan matlamat pendidikan dengan membimbing anak-anak dalam tugas yang diberikan oleh guru. Maka, akan terdapat pelbagai persepsi dan pandangan daripada ibu bapa yang meluangkan masa untuk menemani dan mengawasi tingkah laku anak-anak di rumah berdasarkan tahap kepuasan dan halangan yang dihadapi dalam situasi masing-masing.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga penglibatan dalam Model Epstein ini memberi pengaruh yang besar kepada hasil kajian yang ingin dijalankan. Hal ini kerana Model Epstein memberi keutamaan dalam mengenal pasti enam dimensi penglibatan ibu bapa yang menggambarkan pelbagai bentuk hubungan kerjasama antara sekolah dan ibu bapa. Oleh itu, Model Epstein ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia melibatkan ibu bapa dan juga pembelajaran atas talian yang dijalankan sebagai alternatif pembelajaran bersemuka di sekolah.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan terhadap persepsi ibu bapa yang berada di sisi anak semasa pembelajaran atas talian dijalankan. Data yang dikumpulkan dari tinjauan kemudian dianalisis secara statistik untuk membuat kesimpulan penyelidikan yang bermakna. Secara umumnya, kajian tinjauan adalah berupa kaedah kuantitatif untuk mengumpulkan maklumat dari kumpulan responden dengan mengemukakan pelbagai soalan tinjauan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan yang memberikan gambaran mengenai sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri penduduk dengan mengkaji sampelnya (Creswell, 2014). Kajian ini dirancang untuk menggambarkan persepsi ibu bapa secara kuantitatif tentang amalan pembelajaran atas talian yang dijalankan di rumah berdasarkan tahap kepuasan dan halangan yang dihadapi oleh mereka.

## **POPULASI**

Populasi penyelidikan juga dikenali sebagai kumpulan individu atau objek yang jelas diketahui mempunyai ciri yang sama. Semua individu atau objek dalam populasi tertentu biasanya mempunyai ciri atau sifat yang umum dan mengikat (Fatinah Jaafar et al., 2020). Berdasarkan kajian ini, populasi terdiri daripada ibu bapa bagi murid-murid yang masih bersekolah dan yang telah menemani anak-anak mereka dalam menjalankan proses pembelajaran atas talian sepanjang pandemik ini. Target responden kajian ini ialah ibu bapa yang mempunyai pengalaman dalam menghadapi pembelajaran atas talian di rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan ini dimulakan.

Disebabkan PKP ini, murid-murid tidak dapat meneruskan pembelajaran di sekolah secara bersemuka, maka kaedah alternatif iaitu pembelajaran atas talian di rumah digunakan supaya murid-murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun berada di rumah. Namun, terdapat pelbagai persepsi dan pandangan daripada ibu bapa yang membimbing anak-anak belajar dari rumah. Kajian ini terbuka kepada semua ibu bapa di seluruh Malaysia kerana semua negeri terlibat dalam pembelajaran atas talian ini. Antara syarat pemilihan responden kajian termasuklah:

- i. Ibu bapa yang mempunyai anak yang masih bersekolah

- ii. Ibu bapa yang terlibat bersama dalam pembelajaran atas talian anak-anak di rumah

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), untuk menentukan ukuran sampel yang mempunyai populasi sebanyak 600 orang, ukuran sampel sebanyak 234 responden diperlukan untuk mewakili keratan rentas populasi. Soal selidik akan diedarkan secara atas talian kepada ibu bapa di sekolah-sekolah yang berada di Mukim Lubuk Kawah, Daerah Besut. Terdapat 4 buah sekolah dalam Mukim Lubuk Kawah. Bilangan ibu bapa berdasarkan senarai sekolah boleh dirujuk berdasarkan Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 1 Bilangan populasi dan bilangan sampel

<b>Nama Sekolah</b>	<b>Bilangan populasi (Bilangan ibu bapa)</b>	<b>Bilangan sampel</b>
Sekolah A	160	32
Sekolah B	253	51
Sekolah C	131	26
Sekolah D	61	12
Jumlah	605	121

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Besut

Dalam kajian Chua (2006) mengatakan bahawa ukuran sampel sebanyak 234 responden seperti yang disyorkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) merupakan satu jumlah yang terlalu banyak. Oleh itu, saiz sampel dijadikan  $N = 120$  yang mencukupi untuk menjawab objektif kajian. Hasilnya, 20% daripada bilangan ibu bapa setiap daripada 4 buah sekolah akan dipilih secara rawak dari populasi sasaran untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

## INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ialah borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian untuk memperoleh data kuantitatif. Soal selidik kajian ini dibina dengan merujuk kepada soal selidik yang digunakan dalam beberapa kajian lepas, termasuklah kajian Abdel-Maksoud, (2019), kajian Lubis et al., (2020) dan juga kajian Lau dan Lee (2020). Seterusnya, soal selidik ini diubahsuai berdasarkan objektif kajian dan mengikut kesesuaian tajuk kajian.

Secara rumusannya, Bahagian A dibentuk untuk mendapatkan maklumat peribadi responden, di mana maklumat ini boleh mempengaruhi data yang dikutip dalam bahagian tahap kepuasan dan halangan. Contohnya seperti tahap pendidikan ibu bapa yang berbeza akan menjadikan pembelajaran atas talian ini satu cabaran jika ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang cara pendidikan yang sesuai untuk anak-anak. Bilangan anak yang masih bersekolah juga mempunyai pengaruh terhadap bilangan peranti yang diperlukan untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian ini.

Bahagian B dikemukakan untuk mengetahui tentang tahap kepuasan ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian ini. Terdapat pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh ibu bapa tentang pembelajaran atas talian ini termasuklah mereka berasa pencerapan teknologi dalam pendidikan merupakan satu cara yang sesuai untuk meningkatkan perkembangan anak mereka

dalam bidang ICT. Ada juga murid-murid yang lebih ghairah untuk belajar atas talian berbanding dengan pembelajaran tradisional yang agak bosan.

Bahagian C lebih berfokus tentang halangan yang dihadapi oleh ibu bapa semasa pembelajaran atas talian dijalankan. Pelbagai faktor yang menjadi halangan kepada murid-murid untuk sentiasa bersedia dalam pembelajaran atas talian ini termasuklah gajet, capaian internet, faktor keluarga dan sebagainya lagi. Oleh itu, item ini dimasukkan dalam soal selidik untuk memahami masalah yang dihadapi oleh kebanyakan keluarga dan mengetahui dengan lebih mendalam latar belakang keluarga murid supaya masalah ini dapat diatasi dengan cara yang sesuai.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Tahap kepuasan ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian**

Berdasarkan Jadual 2 dapat dilihat bahawa terdapat sepuluh item yang disoal kepada ibu bapa berkaitan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian. Bagi skala sangat setuju, peratus yang paling tinggi ialah pada item 2 iaitu anak saya dapat memahami arahan guru dengan jelas walaupun proses pengajaran diadakan atas talian dengan jumlah 82.5% (N=99). Manakala, peratus paling rendah ialah pada item 8 iaitu pembelajaran atas talian dapat membantu anak saya untuk menjadi lebih berdikari dan bersistematik dengan jumlah 65.8% (N=79). Oleh itu, berdasarkan peratusan ini, boleh dirumuskan bahawa ibu bapa berpuas hati dengan pembelajaran atas talian apabila melihat anak mereka masih dapat memahami arahan guru dengan jelas walaupun proses pembelajaran berlaku secara atas talian.

Bagi skala setuju, peratus yang paling tinggi ialah pada item 8 iaitu pembelajaran atas talian dapat membantu anak saya untuk menjadi lebih berdikari dan bersistematik dengan jumlah 31.6% (N=38). Manakala, peratus yang paling rendah ialah pada item 1 dan item 2 iaitu sebanyak 16.6% (N=20). Berdasarkan peratusan ini, boleh dilihat bahawa ibu bapa merasakan pembelajaran atas talian membolehkan anak mereka belajar dengan sendirinya mengikut jadual waktu yang ditetapkan walaupun berasa di rumah.

Bagi skala kurang setuju, peratus yang paling tinggi ialah pada item 7 iaitu pembelajaran atas talian dapat mengeratkan hubungan antara anak dengan ibu bapa dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan jumlah 5% (N=6). Manakala peratus yang paling rendah ialah pada item 1 dan item 10. Berdasarkan peratusan ini, boleh dikatakan masih terdapat segelintir ibu bapa yang kurang setuju dengan pernyataan hubungan antara ibu bapa dan anak boleh menjadi lebih rapat melalui pembelajaran atas talian ini. Hal ini kerana kebanyakan ibu bapa yang perlu bekerja dan tidak mempunyai masa untuk menemani anak-anak mereka dalam pembelajaran atas talian.

Bagi skala tidak setuju dan skala sangat tidak setuju, kesemuanya mendapat 0% bermakna tiada ibu bapa yang mempunyai tanggapan yang negatif terhadap pembelajaran atas talian ini. Dengan ini, boleh disimpulkan bahawa ibu bapa masih mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap pembelajaran atas talian ini kerana mereka boleh melihat perubahan dan kesan yang positif dalam diri anak mereka. Pembelajaran atas talian memberi peluang kepada anak-anak untuk belajar perkara baharu terutamanya dalam bidang teknologi serta melatih mereka untuk berdikari dan berani meluahkan pendapat sendiri.

Jadual 2 Peratusan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian

Item	Pernyataan	STS		TS		KS		S		SS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1	Pada pendapat saya, anak saya dapat memahami bahan pembelajaran walaupun proses pengajaran diadakan atas talian.	0	0	0	0	2	1.6	20	16.6	98	81.6
2	Pada pendapat saya, anak saya dapat memahami arahan guru dengan jelas walaupun proses pengajaran diadakan atas talian.	0	0	0	0	1	0.8	20	16.6	99	82.5
3	Pada pendapat saya, anak saya berasa gembira dengan pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	4	3.3	27	22.5	89	74.1
4	Pada pendapat saya, anak saya lebih memberi fokus dalam pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	2	1.6	21	17.5	97	80.8
5	Pada pendapat saya, pembelajaran atas talian dapat mengembangkan bakat anak saya dalam bidang teknologi.	0	0	0	0	5	4.1	25	20.8	90	75
6	Pada pendapat saya, pembelajaran atas talian dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi anak saya.	0	0	0	0	4	3.3	29	24.1	87	72.5
7	Pada pendapat saya, pembelajaran atas talian dapat mengeratkan hubungan antara anak dengan ibu bapa dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	0	0	0	0	6	5	34	28.3	80	66.6
8	Pada pendapat saya, pembelajaran atas talian dapat membantu anak saya untuk menjadi lebih berdikari dan bersistematis.	0	0	0	0	3	2.5	38	31.6	79	65.8
9	Pada pendapat saya, pembelajaran atas talian	0	0	0	0	2	1.6	27	22.5	91	75.8

	mempunyai lebih banyak kebaikan daripada pembelajaran tradisional.								
10	Saya berasa senang hati apabila anak saya melibatkan diri dalam pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	1	0.8	32	26.6 87 72.5

### Halangan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam pembelajaran atas talian

Dapatan kajian untuk mengenalpasti halangan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam pembelajaran atas talian dapat dilihat dalam Jadual 3. Terdapat sepuluh item yang disoal kepada ibu bapa.

Bagi skala sangat setuju, peratus yang paling tinggi ialah pada item 3 iaitu capaian internet yang terhad merupakan satu halangan anak saya untuk menghadiri pembelajaran atas talian dan juga pada item 8 iaitu kesibukan ibu bapa yang bekerja merupakan satu halangan kepada kanak-kanak untuk menjalankan pembelajaran atas talian dengan jumlah yang sama iaitu 82.5% (N=99). Kedua-dua item ini menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh ibu bapa ialah capaian internet dan juga kekangan masa ibu bapa untuk membantu anak dalam pembelajaran atas talian. Masalah-masalah ini juga sering dibincangkan dalam media sosial yang menjelaskan kehadiran murid. Manakala peratus yang paling rendah ialah pada item 7 iaitu tahap pengetahuan ibu bapa merupakan satu halangan kepada kanak-kanak untuk meneruskan pembelajaran atas talian dengan jumlah 65% (N=78).

Bagi skala setuju, peratus yang paling tinggi ialah pada item 7 iaitu tahap pengetahuan ibu bapa merupakan satu halangan kepada kanak-kanak untuk meneruskan pembelajaran atas talian dengan jumlah 33.3% (N=40). Kebanyakan ibu bapa yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Oleh itu, mereka menghadapi masalah dalam pembelajaran atas talian anak-anak tidak kira dari segi kemahiran teknologi ataupun kemahiran pedagogi untuk membimbing anak-anak mereka dalam tugas yang diberi. Manakala, peratus yang paling rendah ialah pada item 3 dan item 8 kerana kebanyakan ibu bapa berasa sangat setuju dengan kedua-dua pernyataan ini.

Bagi skala kurang setuju, peratus yang paling tinggi ialah pada item 9 iaitu kekurangan komunikasi dan kerjasama antara guru dan ibu bapa menjadi satu halangan kepada anak untuk meneruskan pembelajaran atas talian dengan jumlah 5.8% (N=7). Proses komunikasi yang berkesan antara guru dan ibu bapa amatlah penting untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi semasa pembelajaran atas talian, namun ada juga masanya akan mempunyai percanggahan idea dan perselisihan faham antara guru dan ibu bapa. Manakala, peratus yang paling rendah ialah pada item 2, item 3, item 5 dan item 8 yang mempunyai 0%.

Bagi skala tidak setuju dan skala sangat tidak setuju, kesemuanya mendapat 0% bermakna kesemua ibu bapa menghadapi masalah yang berbeza sepanjang pembelajaran atas talian ini dijalankan. Melalui kajian ini, dapat dilihat bahawa terdapat pelbagai situasi yang berbeza dalam setiap keluarga. Contohnya capaian internet, kekurangan alat teknologi, faktor persekitaran, kesibukan ibu bapa yang bekerja telah menjadi halangan kepada anak-anak untuk menghadiri pembelajaran atas talian dengan sepenuhnya.

## Jadual 3 Halangan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam pembelajaran atas talian

Item	Pernyataan	STS		TS		KS		S		SS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1	Pada pendapat saya, kebolehan seorang kanak-kanak untuk menggunakan pelbagai jenis alat teknologi menjadi halangan kepada mereka untuk melibatkan diri dalam pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	5	4.2	30	25	85	70.8
2	Pada pendapat saya, kekurangan alat digital contohnya telefon pintar, komputer riba, tablet menyukarkan anak saya untuk menghadiri pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	0	0	30	25	90	75
3	Pada pendapat saya, capaian internet yang terhad merupakan satu halangan anak saya untuk menghadiri pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	0	0	21	17.5	99	82.5
4	Pada pendapat saya, ketiadaan mentor / pembimbing merupakan halangan anak saya untuk melibatkan diri dalam pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	6	5	33	27.5	82	68.3
5	Pada pendapat saya, faktor persekitaran di rumah contohnya ahli keluarga yang banyak, suasana yang bising menyukarkan anak saya fokus dalam pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	0	0	23	19.1	97	80.8
6	Pada pendapat saya, mempunyai ramai anak yang perlu menjalankan pembelajaran atas talian di rumah menyukarkan mereka menglibatkan diri dalam pembelajaran atas talian kerana kekurangan gajet dan capaian internet yang terhad.	0	0	0	0	3	2.5	33	27.5	84	70

7	Pada pendapat saya, tahap pengetahuan ibu bapa merupakan satu halangan kepada kanak-kanak untuk meneruskan pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	2	1.6	40	33.3	78	65
8	Pada pendapat saya, kesibukan ibu bapa yang bekerja merupakan satu halangan kepada kanak-kanak untuk menjalankan pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	0	0	21	17.5	99	82.5
9	Pada pendapat saya, kekurangan komunikasi dan kerjasama antara guru dan ibu bapa menjadi satu halangan kepada anak untuk meneruskan pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	7	5.8	32	26.6	81	67.5
10	Pada pendapat saya, tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa semasa pandemik ini juga menjadi satu halangan kepada anak untuk meneruskan pembelajaran atas talian.	0	0	0	0	3	2.5	35	29.1	82	68.3

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan daripada dapatan yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada ibu bapa, dapat disimpulkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenakan atas sebab pandemik Covid-19 telah memberikan kesan kepada semua individu terutamanya ibu bapa. Disebabkan pandemik Covid-19, semua institusi pendidikan diarahkan untuk tutup untuk memutuskan rangkaian sosial yang boleh menyebabkan penularan wabak Covid-19 menjadi lebih serius. Oleh itu, pembelajaran atas talian dijalankan sebagai alternatif untuk membolehkan murid-murid terus menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran walaupun berada di rumah. Dengan ini, ibu bapa telah memainkan peranan yang penting untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian berjalan dengan lancar agar anak-anak tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Dapatan data hasil kajian soal selidik menunjukkan bahawa kebanyakannya ibu bapa mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran atas talian berdasarkan peratusan tahap kepuasan yang dianalisis. Ibu bapa bersetuju bahawa anak-anak masih dapat memahami arahan guru tentang tugas yang diberi dengan jelas walaupun proses pembelajaran dijalankan secara atas talian. Di samping itu, ibu bapa juga berasa puas hati dengan tingkah laku anak-anak semasa pembelajaran atas talian dijalankan dimana anak-anak telah berdikari dan belajar mengikut jadual yang ditetapkan dengan bersistematis. Oleh itu, maklum balas yang diberikan

oleh ibu bapa telah menunjukkan bahawa pembelajaran atas talian merupakan satu alternatif yang terbaik untuk membolehkan anak-anak terus belajar di rumah.

Namun, terdapat juga beberapa kerisauan tentang halangan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam pembelajaran atas talian. Antara halangan yang paling banyak dihadapi ialah kekurangan gajet seperti telefon pintar, komputer riba serta capaian internet yang terhad. Halangan-halangan ini telah menyukarkan anak-anak untuk menjalankan pembelajaran atas talian dengan sempurna dan tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan.

Secara khususnya, kajian ini telah memberi pendedahan tentang persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian berdasarkan tahap kepuasan dan halangan yang dihadapi. Walaupun terhadap pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa, namun masih terdapat segelintir ibu bapa yang merasakan pembelajaran atas talian telah memberi kesan yang positif kepada anak-anak mereka. Oleh itu, kerjasama antara ibu bapa dan pihak sekolah amatlah penting untuk membolehkan pembelajaran atas talian ini berjalan dengan lebih lancar dan boleh mengatasi halangan yang dihadapi dengan sebaik mungkin.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Melalui kajian ini, banyak pandangan dan luahan hati ibu bapa dapat diselami dan diketahui dengan lebih jelas. Guru juga boleh melakukan pengubahsuaian dan penambahbaikan terhadap pembelajaran atas talian ini berdasarkan dapatan kajian yang dianalisis. Setelah memahami persepsi daripada pelbagai pihak dan orang yang disasarkan, adalah disyorkan agar pilihan kaedah pengajaran juga harus diubahsuai setelah memahami secara menyeluruh dari segi kemampuan dan status ekonomi atau keadaan semasa murid tersebut di rumah masing-masing.

Bukan itu sahaja, kajian ini membolehkan guru lebih memahami halangan yang dihadapi oleh ibu bapa semasa menjalankan pembelajaran atas talian di rumah. Hal ini kerana pembelajaran atas talian ini akan menyebabkan pelbagai kesan yang berbeza dari sudut pandangan yang lain. Contohnya dari pandangan guru, mungkin guru tidak berasa susah untuk melaksanakan pengajaran atas talian, sebaliknya dari sudut pandangan ibu bapa terutama keluarga yang mempunyai anak yang ramai atau status ekonomi yang tidak stabil, maka pembelajaran atas talian ini akan menjadi satu beban yang berat bagi mereka.

Kajian ini juga memberi pendedahan tentang pentingnya peranan ibu bapa dalam membantu anak-anak mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pendidikan. Ibu bapa berperanan penting dalam memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun terpaksa berada di rumah. Jadi, kajian ini dijalankan untuk melihat sambil memberi peringatan kepada ibu bapa untuk mengambil lebih banyak perhatian terhadap pembelajaran anak-anak di rumah dan menyatakan halangan yang dihadapi.

Cadangan untuk kajian seterusnya boleh fokus kepada persepsi murid dan persepsi guru juga kerana mereka turut terlibat bersama dalam pembelajaran atas talian ini. Melalui kajian yang dijalankan, pandangan murid dan guru juga boleh diberi perhatian agar pembelajaran atas talian ini boleh dijalankan dengan sempurna tanpa halangan.

## RUJUKAN

- Abdallah, A. K. 2018. Parents perception of e-learning in Abu Dhabi schools in United Arab Emirates. *International E-Journal of Advances in Social Sciences* 4(10): 30–41.
- Abdel-Maksoud, N. F. 2019. Factors Affecting MOOCs' Adoption in the Arab World: Exploring Learners' Perceptions on MOOCs' Drivers and Barriers. *Higher Education Studies* 12(11): 164–177.
- Apriyanti, C. 2020. The parents role in guiding distance learning and the obstacle during covid-19 outbreak. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar* 7(2): 68–83.
- Bradley, R. H., & Corwyn, R. F. 2002. Introduction S Ocioeconomic S Tatus. *Annual Review of Psychology* 53: 371–399.
- Chua, L. C. 2006. Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: A comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL* 7: 78–86.
- EMIR Research Quarterly Poll Third Quarter 2020 (3Q20) – Part 2. 2020.
- Epstein, J. L., Sanders, M. G., Simon, B. S., Salinas, K. C., Jansorn, N. R. & Van Voorhis, F. L. 2009. *School, community, and community partnerships: Your handbook for action* California: Corwin Press.
- Fatinah Jaafar, N., Zain, A., Eshak, Z. 2020. Peranan ibu bapa dalam membantu perkembangan sosial kanak-kanak melalui aktiviti bermain semasa. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* (Special Issue) 9: 52-60.
- Hastini, L. Y., Fahmi, R., & Lukito, H. 2020. Apakah pembelajaran menggunakan teknologi dapat meningkatkan literasi manusia pada generasi Z di Indonesia? *Jurnal Manajemen Informatika (JAMIKA)* 10(1): 12–28.
- Ida Ayu Hani, E., Santoso, D. & Apriyanto, S. 2020. Perspective of Parents of Online Learning in Pandemic Covid-19 2(6): 0–4.
- Imran Khan Assistant Professor, S. 2021. Online Classes Amid The Covid-19 Pandemic: Parents Perspective. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government* 27(1): 2021
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607–610.
- Lathifah, Z. K., & Helmanto, F. 2019. Orang Tua Sebagai Panutan Islami Untuk Anak. *IDAKTIKA TAUHIDI: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar* 6(2): 131–137.
- Lau, E. Y. H. & Lee, K. 2020. Parents' Views on Young Children's Distance Learning and Screen Time During COVID-19 Class Suspension in Hong Kong. *Early Education and Development* 32(6): 1–18.
- Moore, S. A., Faulkner, G., Rhodes, R. E. et al. 2020. Impact of the COVID-19 virus outbreak on movement and play behaviours of Canadian children and youth: A national survey. *Int J Behav Nutr Phys Act* 17: 85.
- Ramalingam, S., Maniam, & Karuppanan, G. 2019. Penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar sekolah Tamil di Selangor. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 3(3): 308–323.
- Susanto, E., & Suyadi, S. 2020. The Role of Parents' Attention in the Moral Development of Chusna Apriyanti, The Role of Parents 25 Children in the Amid of COVID-19 Pandemic. *Jurnal Ilmiah Sekolah Dasar* 4(3): 355.
- Zhang, W., Wang, Y., Yang, L. & Wang, C. 2020. Suspending classes without stopping learning: China's education emergency management policy in the COVID-19 outbreak. *Journal of Risk and Financial Management* 13(55): 1–6.
- Zhou, L. & Li, F. 2020. A review of the largest online teaching in China for elementary and middle school students during the COVID-19 pandemic. *Best Evidence of Chinese Education* 5(1): 549–567.